

**PENGENALAN**

Orang Melayu sudah mempunyai tradisi bercerita sejak lama dahulu. Namun, tarikh sebenarnya tradisi bercerita di kalangan orang Melayu itu tidak diketahui, maka tidak ada orang boleh menjawabnya dengan pasti, kecuali dikatakan bahawa tradisi bercerita itu diagakkan sudah bermula sebaik sahaja orang Melayu sudah berbahasa, berkeluarga dan bermasyarakat. Sehubungan itu, semakin tinggi tamadun dan masyarakat Melayu, semakin kukuh tradisi bercerita orang Melayu.

Sehingga ini terdapat dua tradisi bercerita telah kita warisi: tradisi lisan dan tradisi tulisan. Tradisi tulisan itu adalah perkembangan daripada tradisi lisan. Tradisi tulisan ini muncul bila orang Melayu mahir menggunakan aksara. Sungguh pun demikian, tradisi lisan itu tidak mati setelah lahirnya tradisi tulisan, 110 Sari 27 tetapi terus hidup, walaupun tradisi lisan untuk sastera semakin didominasi oleh sastera tulisan. Apabila alat cetak mengambil tempat dalam kebudayaan Melayu moden, sastera tulisanlah yang berkembang.

Bercerita atau cerita termasuk dalam bidang seni. Dalam kebudayaan Melayu, ada dua macam bentuk seni cerita: bentuk lisan dan bentuk tulisan. Daripada segi panjangnya, terdapat dua jenis pula: cerita yang pendek dan cerita yang panjang. Antara kedua-duanya dapat lagi dipecahkan kepada yang terpendek dan yang sederhana panjangnya. Yang pendek itu boleh habis pada sekali bercerita. Yang sederhana, biasanya diceritakan bersambung dan yang panjang pun bersambung, mengambil masa yang lebih lama.

Dalam masyarakat tradisional Melayu di Nusantara bercerita ini biasanya mengambil dua jalur suasana persembahannya. Jalur yang pertama adalah persembahan cerita yang tidak formal dan biasanya cerita itu dilakukan di kalangan keluarga serta handai taulan. Jalur yang kedua adalah cerita yang disampaikan secara rasmi dalam upacara membaca cerita khususnya untuk menyambut kenduri, menunggu panen (menuai) atau lepas panen, misalnya. Persembahan itu pula ada yang khusus dengan lisan dan ada yang dengan membaca teks, selain ada yang dituturkan dengan berlagu menggunakan alat bunyian dan tidak kurang pula cerita yang diwayangkan dengan patung yang dibuat daripada kulit; malah ada cerita yang didramakan untuk sesuatu upacara.

Cerita pendek atau cerpen yang kita kenal hari ini bukanlah suatu yang baru. Sebaliknya, bentuk itu adalah lanjutan dan pengluasan daripada tradisi cerita yang sudah mentradisi dalam masyarakat Melayu. Cerita tradisi itu lewat masa dan perubahan yang gesit yang dilalui sejarah dan masyarakat Melayu di Nusantara itu berubah sehingga membentuk tradisi seni bercerita yang baru, yang kita namakan cerpen.

## KONSEP CERPEN MELAYU

Menurut Hashim Awang, cerpen dalam kesusasteraan Melayu moden pertama kali muncul dalam tahun 1920 bila majalah *Pengasuh* menyiarkan sebuah cerita yang berjudul *Kecelakaan Pemalas*, ciptaan Nor bin Ibrahim, atau nama samarannya Madrasi (1975:4). Sejak itu, cerpen bermunculan bersama-sama dengan munculnya penerbitan berkala dalam Bahasa Melayu yang pertama kali terbit di Malaysia pada 1876 iaitu *Jawi Peranakan*. Sejak itu hingga tahun 1941 bila meletusnya Perang Dunia II, ada 147 penerbitan berkala, iaitu akhbar dan majalah berbahasa Melayu. Adalah dipercayai 64 buah daripadanya memuatkan cerpen (Hashim Awang 1975:2). Dengan itu, cerpen yang kita kenal itu amat erat hubungannya dengan penerbitan akhbar dan majalah, malah dapat dikatakan cerpen adalah sastera akhbar dan majalah

Sejak awal pembentukannya, cerpen Melayu terus mencari bentuknya. Yang nyata, pada peringkat awalnya, cerpen berlandaskan tradisi cerita lisan dan tulisan yang ada dalam sastera Melayu tradisional dan terus bergomol dengan pelbagai perubahan penulisan di sekolah dan penulisan cara cetak serta menyesuaikan bentuknya dengan perubahan secara menyeluruh yang melanda masyarakat Melayu. Oleh sebab itu, kita dapati cerpen Melayu di peringkat awal itu kurang tegas batas panjang pendeknya, selain kurang jelas strukturnya. Dari segi panjangnya, cerpen Melayu di peringkat awal itu ada yang mengandungi kira-kira 160 perkataan, manakala yang terpanjangnya pula mencapai kira-kira 48,000 perkataan (Hashim Awang 1975: 14-15). Dari segi strukturnya, cerpen Melayu di peringkat awal ada yang menyerupai rencana tanpa plot dan ada pula yang mempunyai plot yang sederhana dan tidak kurang pula ada yang mempunyai plot yang kompleks, peristiwa yang banyak dan mengambil latar hidup watak yang panjang sekali dari datuk hingga ke cucu. Sesungguhnya, pada peringkat awal cerpen Melayu itu, pengarangnya cerpen tidak mempunyai konsep yang jelas. Yang pasti adalah ia itu adalah cerita.

Pengkategorian menurut genre baru dilakukan setelah adanya pengajian sastera di Jabatan Pengajian Melayu sekitar tahun lima puluhan. Pengkajian yang serius hanya bermula setelah Ali Haji Ahmad (1961 & 1964) dan Omar Muhammad Hashim (1961) menumpukan perhatian mereka terhadap cerpen. Kajian yang lebih serius kemudiannya dilakukan Tan Chin Kwang (1971), Hashim Awang (1972) dan Othman Puteh (1981) sebagai tesis ijazah sarjana mereka.

Biarpun mereka menemui maklumat mengenai cerpen Melayu, namun mereka masih terikat baik secara nyata atau tersembunyi dengan definisi dan konsep cerpen Barat sebagai titik tolak pengkajian mereka. Lebih jauh dari itu, Hashim Awang melakukan kekeliruan yang lain pula walaupun dia mengkaji struktur cerpen, cerita-cerita yang panjang dan kompleks strukturnya pun dikategorikannya dalam genre cerpen, asal sahaja cerita itu termuat dalam akhbar dan majalah. Pada pihak lain pula, dia menilai cerpen Sebelum Perang itu dari titik tolak struktur menurut pengertian cerpen Barat tanpa bertitik tolak pada hakikat cerpen Melayu atau data yang dia hadapi itu.

Berdasarkan maklumat yang ditemui dapat kita menarik kesimpulan bahawa cerpen Melayu tidak lain daripada lanjutan dan pengluasan dari pengucapan seniman Melayu terhadap kehidupan dinamik yang dialami. Kalau dalam zaman tradisional, pengucapan mereka berkaitan kehidupan tradisional itu, tetapi bila mereka menemui pengaruh Barat, mereka mengucapakan pengalaman baru dalam menghadapi perubahan itu. Justeru, isi cerpen Melayu itu tidak lain daripada perkara yang berkaitan dengan perubahan yang mendatang. Dalam mengungkapkan pengalaman itu, diketengahkan watak-watak untuk melambangkan individu daripada masyarakat yang sedang berubah itu. Watak-watak itu diberi tempat dan masa beraksi serta serba sedikit peristiwa yang membolehkannya mengalami kebaikan dan kecelakaan daripada perbuatannya. Daripada keseluruhan cerita itu diberi pengajaran dan moral sebagai pesanan untuk ahli masyarakat yang membacanya. Struktur begini terungkap dalam panjang pendek, atau jumlah perkataan yang berbagai dari sekali siaran hingga beberapa kali siaran. Tugas sarjana di sini ialah memastikan panjang pendek dan kompleks tidaknya struktur cerita itu untuk dikategorikan genrenya.

Cerita yang pendek, sederhana pendek, sederhana dan kurang kompleks strukturnya dan tidak pula mencukupi 100 halaman panjangnya dikategorikan sebagai cerpen. Boleh pula dinamakan cerpen bagi yang munasabah pendeknya dan cerpen bagi cerita yang tidak mencapai panjang sebuah novel. Untuk lebih halus lagi pembahagiannya cerpen yang panjang, tetapi kurang daripada 100 halaman dipanggil novelet

### **DEFINISI CERPEN**

Cerpen ialah sepatah akronim (singkatan dua patah perkataan) yang dibentuk daripada kata cerita dan pendek. 'Cer' daripada kata 'cerpen' dan 'pen' daripada 'pendek'. Dalam bahasa Inggeris, karya sastera genre ini dinamai short story. Dari segi criteria, keperluan, acuan dan teknik atau kaedah penulisan karya pada penelitian saya, antara cerpen daripada short story sama sahaja. (Jais Sahak, 1999:26).

Menurut Hussain dan rakan dalam buku *Glosari Istilah Kesusasteraan* (1988: 54) pula mendefinisikan cerpen sebagai singkatan 'cerita pendek' iaitu kisah rekaan yang relatif pendek dihasilkan dalam bentuk prosa dilihat dari segi panjang pendeknya, sesebuah cerpen biasanya mengandungi antara 500-15,000 patah perkataan. Ia mempunyai kesatuan terutamanya dalam plot disamping unsur lain seperti tema, kesan, watak, mood dan gaya.

Manakala menurut pendapat Arena Wati (1995: 112) cerpen iaitu cerita pendek yang menentukan tentang dirinya sendiri, atau orang yang meneliti cerpen itu yang memberikan batas lingkungan untuk dunia cerita pendek. Kalau cerita pendek membentuk dirinya begitu dan persoalan genesis yang tumbuh secara wajar. Para pengarang tanpa sedarnya, menumbuhkan asas, lalu para peneliti sastera kemudiannya menemukan ciri dalam tubuh cerita pendek; dan daripada penemuan

ini mereka menggariskan suatu komponen norma sebagai suatu persyaratan identiti cerita pendek.

Cerita pendek atau sering disingkat sebagai cerpen adalah suatu bentuk prosa naratif fiktif. Cerita pendek cenderung padat dan langsung pada tujuannya dibandingkan karya-karya fiksi yang lebih panjang, seperti novella (dalam pengertian modern) dan novel.

Karena singkatnya, cerita-cerita pendek yang sukses mengandalkan teknik-teknik sastra seperti tokoh, plot, tema, bahasa dan insight secara lebih luas dibandingkan dengan fiksi yang lebih panjang. Ceritanya bisa dalam berbagai jenis.

Cerita pendek berasal dari anekdot, sebuah situasi yang digambarkan singkat yang dengan cepat tiba pada tujuannya, dengan parallel pada tradisi penceritaan lisan. Dengan munculnya novel yang realistik, cerita pendek berkembang sebagai sebuah miniatur, dengan contoh-contoh dalam cerita-cerita karya E.T.A. Hoffmann dan Anton Chekhov.

Sebenarnya, tidak ada rumusan yang baku mengenai apa itu cerpen. Kalangan sasterawan memiliki rumusan yang tidak sama. H.B. Jassin –Sang Paus Sastra Indonesia– mengatakan bahwa yang disebut cerita pendek harus memiliki bagian pengenalan, pertikaian, dan penyelesaian. A. Bakar Hamid dalam tulisan “Pengertian Cerpen” berpendapat bahwa yang disebut cerita pendek itu harus dilihat dari kuantitas, yaitu banyaknya perkataan yang dipakai: antara 500-20.000 kata, adanya satu plot, adanya satu watak, dan adanya satu kesan. Sedangkan Aoh. KH, mendefinisikan bahwa cerpen adalah salah satu ragam fiksi atau cerita rekaan yang sering disebut kisah prosa pendek. Dan masih banyak sastrawan yang merumuskan definisi cerpen. Rumusan-rumusan tersebut tidak sama persis, juga tidak saling bertentangan satu sama lain. Hampir semuanya menyepakati pada satu kesimpulan bahwa cerita pendek atau yang biasa disingkat cerpen adalah cerita rekaan yang pendek.

### **CIRI-CIRI CERPEN**

Cerpen mempunyai ciri khusus yang dapat dilihat dari sudut jumlah perkataan, tema dan persoalan, binaan plot, watak dan latar.

1. Jumlah perkataan. Jumlah perkataan dalam cerpen adalah lingkungan 500 - 200 000 patah perkataan. Cerpen yang mengandungi 500 patah perkataan diistilahkan sebagai cerpen mini manakala yang mengungkapkan 20 000 patah perkataan dikenali sebagai cerpen panjang. Namun dalam keadaan lazim panjang cerpen yang disiarkan dalam majalah ialah sekitar 2 000 hingga 2 500 patah perkataan dengan kepanjangan 10 hingga 12 halaman.
2. Tema dan persoalan. Cerita hanya satu sahaja dan tidak mungkin bercabang atau meranting seperti dalam novel. Seluruh pemusatan cerita tertumpu pada satu persoalan atau fenomena hidup sahaja.

3. Memiliki hanya satu plot yang dikenali sebagai plot utama dan tidak mungkin adanya plot sampingan.
4. Penampilan watak dalam cerpen terhad bilangannya. Memadai satu hingga tiga watak yang dominan yang menghidupkan cerita. Gambaran watak dan perwatakan secara terperinci pastinya tidak dilihatkan secara tuntas.\
5. Latar, singkat, terhad dan ruang cakupan yang tidak luas. Masa yang diambil untuk sesuatu perjalanan ataupun garapan cerita tidak lama mungkin dalam tempoh beberapa jam sahaja, atau sehari sahaja. Kalaupun mengambil tempoh yang lama namun waktu-waktu yang penting sahaja yang difokuskan.
6. Meninggalkan kesan kesatuan. Ciri cerpen yang bersifat tunggal daripada segi tema, plot, dengan watak yang terhad perkataan yang ekonomis perlu terhasil digarap secara satu untuk meninggalkan kesan keutuhan yang semula jadi.

#### **APA YANG MESTI ADA DALAM CERPEN**

1. Intelek iaitu ada sesuatu pemikiran yang tinggi dalam cerpen tersebut. Maknanya dalam karya tersebut ada mesej yang mahu disampaikan kepada pembaca supaya boleh direnung dan difikir oleh pembaca untuk dijadikan panduan, mendapatkan pengetahuan dan pengalaman.
2. Pancaran emosi dalam cerpen tersebut sama ada gembira, sedih, sinis. Maknanya cerpen tersebut memilih persoalan dan stail/gaya bahasa yang boleh dihayati dengan baik oleh pembacanya dan dapat menimbulkan suatu fikiran khusus serta memberikan kesan pengajaran dan hiburan.
3. Peristiwa/persoalan dalam cerpen tersebut dituliskan dengan mata hati dan mata fikir iaitu dengan imaginasi yang mengandungi unsur-unsur pemikiran bukan angan-angan. Ada matlamat dalam penulisan cerpen ini dan biasanya hal-hal yang positif.
4. Sesebuah cerpen ada teknik persembahannya iaitu cara olahannya, susunan peristiwanya dan diksi-diksi yang dipilihnya.

#### **BENTUK CERPEN**

1. Mimesis/peniruan iaitu meniru atau merakamkan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan ditambah dengan imaginasi pengarang.
2. Cerpen beralasan iaitu mengadakan satu dasar atau alasan untuk mengubah bentuk biasa seperti menciptakan watak daripada mahluk asing.
3. Cerpen mimpi iaitu cerita seperti dalam mimpi, dengan sifat luar biasanya, perlambangan tertentu sehingga ada waktunya tidak boleh diterima akal.

### **TEKNIK PENCERITAAN CERPEN**

1. Ciri-ciri khas cerpen (cerpen konvensional)
1. Singkat, padu, intensif (ada perkara yang ditekankan)
2. Ada adengan, watak, gerak.
3. Bahasa tajam dan menarik
4. Interpertasi pengarang kepada kehidupan
5. Dapat menimbulkan satu kesan
6. Menarik perasaan pembaca
7. Penggambaran jelas pada peristiwa yang dipilih
8. Ada cerita/persoalan utama, watak utama, latar dan suasana

### **STRUKTUR CERPEN YANG MENARIK**

1. Cerpen memiliki jumlah watak dan episod di dalamnya yang amat terhad.
2. Kebiasaannya, dimulakan di bahagian paling hampir dengan penyelesaiannya.
3. Lazimnya cerpen hanya menangani satu isu atau masalah dalam satu karya.
4. Menggunakan hanya maklumat terperinci yang perlu saja, utk memahami situasinya.
5. Latar masa biasanya meliputi satu masa yg singkat.

### **PERKARA PENTING YANG PERLU ADA DALAM SESEBUAH CERPEN**

1. Cerpen harus dicerita dari sudut pandangan watak (watak-watak ) utamanya. Watak utamanya mungkin hanya seorang, tetapi boleh juga dua orang, bagi menghidupkan karya dan membolehkan pembaca mengenali dan berasa hampir dengan pergolakan jiwa watak-watak dalam karya anda.
2. Unsur-unsur konflik haruslah, diperkenalkan pada paragraf pertama lagi, seboleh mungkin; Cuba kerikan gambaran suasana, waktu dan latar, secara tidak langsung, pada pembukaan cerpen.
3. Mulakan dengan pergolakan jiwa watak utama yg berkaitan dgn tema. Elakkan menggambarkan pemandangan latar pada paragraf pertama.
4. Unsur-unsur suspen juga harus seboleh mungkin diwujudkan pada paragraf pertama atau kedua cerpen anda, supaya pembaca akan tertanya-tanya apa yg akan berlaku seterusnya kepada watak-watak yang menghadapi konflik itu dan bagaimana kekusutan fikiran watak utama dalam cerpen itu dirungkaikan.
5. Pada klimak cerita, seharusnya menjadi tempat di mana konflik itu dileraikan.

6. Ceritanya harus difokuskan pada satu peristiwa, pada pusat segala masalah hidup yang dihadapi oleh watak utamanya.
7. Interaksi antara watak utama, adalah nadi dalam cerpen. Pastikan perwatakan watak utama ini sentiasa ditonjolkan, dan hanya `menunjukkankan' latar belakang yg diperlukan saja. untuk menggerakkan plot (jalan cerita). Cuba memulakan setiap paragraf dengan aksi fizikal atau luahan perasaan, untuk menarik minat pembaca.
8. Judul karya; Jika judul diberikan sebelum karya anda siap, anda akan terikat pada judul itu. Padahal, di sepanjang berkarya, plot cerita akan berkembang, hidup dan berubah dgn sendirinya, bersesuaian dengan cerita anda. Oleh itu lebih mudah memberi judul setelah karya anda siap, kerana judul itu nanti akan merangkumi ke seluruhan cerita anda. Judul yang baikkebiasaannya memiliki di antara 2 hingga 3 patah perkataan.

## **ELEMEN DALAM CERPEN**

### **Watak**

1. Watak ialah pelakon yang mendukung cerita dalam sesebuah cerpen. Tanpa kehadiran watak maka cerita tidak dapat digerakkan. Oleh itu watak mesti wujud dalam sesebuah cerpen. Watak terbahagi kepada dua jenis iaitu watak utama dan watak sampingan atau pembantu. Kerana takrif cerpen ialah cerita pendek maka tidak perlu watak yang ramai.
2. Watak bertujuan untuk menonjolkan keberkesanan cerita, sebuah cerpen cukup sekadar menampilkan sekitar tiga orang watak utama saja. Jika terlalu banyak watak, ia boleh mengaburkan jalan cerita Anda. Jangan terlalu ghairah untuk memerikan latar belakang setiap watak tersebut. Tentukan watak mana yang paling penting dalam mendukung cerita dan fokuskan diri kepadanya

### **Tema**

Tema yang menarik perhatian pembaca ialah yang membawa persoalan baru dan boleh menambah pengetahuan pembaca. Sebuah tema adalah seperti seutas tali yang menghubungkan awal dan akhir cerita di mana anda menggantung pokok persoalan, watak, latar cerita dan lain-lain.

### **Latar**

Latar belakang juga penting dalam sesebuah cerpen kerana membantu pembaca menghayatinya dengan jelas. Latar belakang terbahagi kepada beberapa bahagian antaranya:

#### **a. Latar Masa**

Cerita dalam sebuah cerpen yang efektif biasanya menggunakan tempoh waktu yang pendek. Hal ini adalah satu peristiwa dalam kehidupan watak utama anda atau cerita tentang kejadian yang berlangsung dalam sehari dan bahkan dalam masa satu jam. Dengan waktu yang singkat itu, usahakan agar kejadian yang anda ceritakan dapat memunculkan tema anda.

### **b. Latar Tempat**

Dalam cerpen pengarang memiliki jumlah kata-kata yang terbatas untuk menyampaikan pesan. Pengarang harus dapat memilih latar tempat dalam cerita dengan hati-hati. Sebagai contoh, beberapa latar tempat yang paling menakutkan bagi sebuah cerita seram bukanlah kuburan atau rumah tua, tapi tempat-tempat biasa yang sering dijumpa pembaca dalam kehidupan sehari-hari mereka. Buatlah agar pembaca juga seolah-olah merasakan suasana cerita yang telah dipilih tadi.

### **Teknik Penceritaan**

Teknik penceritaan juga amat penting untuk menarik perhatian pembaca. Ini terpulang kepada kepintaran pengarang untuk memilih teknik penceritaannya. Ada teknik mendatar dan mudah sahaja iaitu dari A hingga Z. Namun ada pula menggunakan teknik sebaliknya. Bermula dari Z atau puncak cerita kemudian dibuat urutan kembali peristiwa.

### **Persoalan**

Persoalan dalam cerpen juga amat berkesan di hati pembaca. Ada persoalan yang dibiarkan tergantung jawapannya namun ada pula persoalan yang berjaya diselesaikan dengan baik. Ada cerpen yang diakhiri dengan gembira dan ada pula cerpen yang diakhiri dengan sedih dan berduka. Ini juga terserah kepada pengarang untuk menentukannya.

### **Plot**

Buat perenggan pembuka yang menarik yang cukup membuat pembaca tertanya-tanya untuk mengetahui apa yang akan terjadi selanjutnya. Pastikan bahawa plot Anda lengkap, iaitu ada pembukaan, pertengahan cerita dan pengakhiran cerita.

Anda juga tidak perlu terlalu berlama-lama dalam membangun cerita, sehingga klimaks atau penyelesaian cerita hanya muncul dalam satu kalimat, dan membuat pembaca merasa terganggu dan bingung, bukannya terpesona dengan cerita Anda. Jangan pula membuat "twist ending" (penutup yang tak terduga)

Usahakan supaya pembaca tetap tertanya-tanya sampai saat-saat terakhir. Jika anda membuat cerita yang bergerak cepat, misalnya cerita tentang jenayah, jagalah supaya perenggan dan ayat-ayat anda tetap ringkas dan padat. Ini adalah cara untuk mempercepat dan memperkental nuansa yang ingin anda sajikan pada pembaca.

## Bahasa

Pada umumnya, cerpen bertolak daripada satu idea pokok. Bagi menyampaikan idea ini, adanya watak yang sesuai dengan perwatakannya yang khusus bagi membantu pengarang menampilkan gagasan yang pengarang mahu ketengahkan, Peristiwa daripada satu peringkat ke satu peringkat disusun dengan cermat. Ia dikenali sebagai plot. Penceritaan disampaikan melalui sudut pandangan yang sebaik mungkin dengan memberi latar yang sesuai serta menarik kepada cerita. Penyampaian dari mula hingga ke akhir cerpen menggunakan bahasa. Kelemahan penguasaan bahasa akan melemahkan penggarapan tema. Cepen menjadi tawar dan hambar. Banyak aspek kejiwaan dan psikologi watak, tidak mampu dihuraikan dengan mendalam. Kelemahan bahasa menjadikan gambaran alam dan suasana pula menjadi tidak berkesan dan tidak mampu menimbulkan kesan keindahan. Dalam penghasilan karya cerpen pengarang perlu menguasai dengan baik apa yang disebut metafora, simili, hiperbola, inversi, alusi, analogi, personifikasi, imejan, perlambangan, dan lain-lain unsur bahasa.

Penguasaan bahasa boleh ditingkatkan melalui pembacaan. Penulis muda perlu banyak membaca karya-karya besar tokoh sasetrawan. Novel-novel seperti Ranjau Sepanjang Jalan karya Shahnnon Ahmad, novel Sungai Mengalir Lesu karya A. Samad Said atau novel Seorang Tua di Kaki Gunung karya Azizi Hj. Abdullah, atau Saudagar besar dari Kuala Lumpur karya Keris Mas atau Hari-hari Terakhir Seorang Seniman karya Dato' Dr. Anwar Ridhwan dan lain-lain.

Selain membaca karya-karya kreatif, jangan abaikan membaca selalu buku tatabahasa. Buku Tatabahasa Dewan yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan buku panduan bahasa yang amat berguna. Selain itu, selalulah berdamping dengan Kamus Dewan untuk memantapkan penggunaan sesuatu kosa kata. Kris Mas menghasilkan buku Perbincangan Gaya Bahasa Sastera (DBP 1988). Buku ini amat menarik dalam membincangkan aspek gaya bahasa dalam karya sastera. Menurut Kris Mas, gaya bahasa bermaksud cara atau ragam bahasa itu dipakai, khususnya dalam tulisan atau karangan (hal 13). Gaya bahasa juga dirujuk kepada gaya seseorang penulis menggunakan bahasa (hal.14). Bagi Kris Mas, bahasa itu ialah perahu yang didayung oleh setiap sastrawan dan ditumpang oleh pembaca dalam pelayaran yang ingin mencari kebenaran (hal.16).

## **Kaedah Penghasilan Gaya Bahasa Dalam Cerpen**

### **1. Pemilihan kata**

Bagi menghasilkan penulisan yang baik, pemilihan kosa kata yang tepat amat penting. Kesilapan menggunakan sesuatu perkataan menyebabkan pemahaman pembaca tersasar jauh daripada apa yang difikirkan oleh penulis. Contohnya perkataan lihat, tengok, intai, tinjau, tilik semuanya menggambarkan apa yang dilihat oleh mata tetapi setiap perkataan memberi maksud yang berbeza.

### **2. Pembinaan ayat yang mantap**

Ayat yang baik lahir dari struktur yang betul. Dalam tatabahasa bahasa Melayu ada empat pola ayat yang mendominasi pengolahan ayat. Struktur itu ialah FN + FN, FN + FS, FN + FA dan FN + FK.

Dalam penulisan karya sastera, penggunaan kata diperindah dengan menggunakan bahasa puitis. Lihat bentuk gaya bahasa puitis dalam ayat di bawah.

#### **Contoh 1**

Air sungai menyenak ke tebing. Hujan semalaman menjadikan sungai sebak. Arus deras menunda sampah sarap yang tersangkut pada tunggul-tunggul berceranggah di tepi tebing. (Dharmala N.S Cerpen Rakit)

Air sungai menyenak – personifikasi

Hujan semalaman menjadikan sungai sebak – Hiperbola

Arus deras menunda sampah – hiperbola

#### **Contoh 2**

Sago berasa kepedihan hatinya perlahan-lahan surut. Dia teringat pada mimpi-mimpi yang memberi harapan lain saban malam sejak dua bulan terakhir ini. (Baharuddin Kahar, Cerpen Sempena Ganja Iras)

mimpi-mimpi yang memberi harapan lain - personifikasi

kepedihan hatinya perlahan-lahan surut - imejan

### **3. Dialog yang mantap**

Dialog dalam cerpen mempunyai fungsi yang besar menghidupkan penceritaan.

**(i) memperkenalkan watak**

Dialog memberi kesan kepada pembaca apabila dialog itu sendiri memperkenalkan watak-watak dalam penceritaan. Sebagai contoh, lihat dialog di bawah.

" Siapa dia? "

" Namanya Pipah. Tetapi dipanggil Pip saja. Dia sekampung dengan saya. Tapi sudah lama tinggal di KK."

" Dia kerja apa? "

" Setiausaha sebuah firma yang besar di sana. Saya tidak tahu nama firma itu," kata Baitah. (Cerpen Sebuah Pekan Bernama Semporna karya Abdullah Hussein. Antologi SPBS, DBP hal. 128 - 129)

**(ii) Dialog tanpa penjelasan**

Dialog yang kemas tidak memerlukan keterangan suasana. Memadai pembaca membaca dialog. Pembaca sudah tahu siapa yang berkata dan kepada siapa dia berkata. Lihat pula dialog dari cerpen Susanne dan Penyair yang pulang karya Zakaria Ali (Dewan Sastera; Ogos 1973: 1)

" Jebat, aku punyai sesuatu nak aku katakan padamu."

" Apa? "

" Tentang Leonard Weekend ini meyakinkan aku bahawa ia tetap cinta padaku."

" Dan kau memulangkan kembali cintanya? "

" Entahlah. Aku sayang padanya" bisik sussane.

" Tapi aku tak percaya aku cinta padanya sepertiia mencintai aku."

**(iii) Dialog dengan penjelasan**

Namun begitu, ada baiknya juga jika dialog itu diberi keterangan supaya pembaca benar-benar dapat memahami apa yang diceritakan oleh pengarang. Saya mengambil contoh seperti dialog berikut.

" Aku akan mengusulkan undi tidak percaya terhadap pucuk pimpinan parti," ujar Lavasqui secara terbuka sehari selepas berita itu tersiar di akhbar.

" Kau memerlukan dua pertiga majoriti ahli jawatankuasa pusat, Lavasqui," komen Dave.

" Aku telah mengira kau sebagai penyokongku yang pertama,"

Dave menyepi. Dia cuma merenung tepat ke muka sahabatnya.

#### **(iv) Menukar dialog kepada cakap pindah**

Terdapat juga penulis yang menukar dialog kepada cakap pindah. Contohnya Anwar Ridhwan dalam karyanya berjudul *Di Negeri Belalang* menulis begini.

Dia ditanya apa tujuannya datang ke kota mati itu. Dia memberi jawapan bahawa dia tanpa tujuan sebenarnya dan tidak mengharapkan penemuan yang luar biasa. Dia sudah terbiasa untuk menemui kekosongan dalam hidupnya. Itu, katanya sama seperti mendulang emas di kali yang memang tidak mempunyai emas.

( Novelet *Di Negeri Belalang*, Marwilis Publisher, 1989: 59 – 60)

#### **4. Pelukisan**

Untuk memberi gambaran yang tepat, pengarang perlu menulis secara terperinci tentang sesuatu perkara. Perincian penulisannya itu menyebabkan pembaca benar-benar berpuas hati . Inilah pelukisan bahasa dalam sesebuah karya sastera.

Dalam novel terjemahan berjudul *Perjuangan Sia-sia* karya John Steinbeck (DBP, 1981) bahasa pelukisan ini digarap dengan baik.

Akhirnya malam menjelang. Di luar lampu-lampu jalan telah menyala dan lampu neon pada papan tanda restoran berkelip-kelip memancar sinar merah menyala ke udara. Lampu neon di papan tanda itu melontarkan sinar merah redup ke bilik Jim Nolan. Telah dua jam dia duduk di kerusi goyang kecil yang keras di bilik itu dengan melunjurkan kedua-dua kakinya ke lantai dan menepuk-nepuknya untuk menghilangkan rasa kebas itu menjalar naik dan turun hingga ke buku lalinya, kemudian dia berdiri lalu menyalakan lampu yang tidak bertudung dan kelihatanlah sebuah katil putih besar dengan cadarnya berwarna putih seperti kapur sebuah almari kayu oak berwarna keemasan dan permaidani merah bersih yang terhampar yang warnanya telah bertukar menjadi kecoklatan dengan tepinya yang meleding (hal. 1).